

# 72 kongsi gelap dalam radar polis

Polis beri amaran individu miliki tatu lambang kongsi gelap boleh ditahan

**EKSKLUSIF**

gelap dan gengsterisme," katanya ketika ditemui di Bukit Aman, baru-baru ini.

Menurut Abd Jalil, kumpulan kongsi gelap di Malaysia terdiri daripada kumpulan kongsi gelap Melayu, Cina, India dan kumpulan kongsi gelap peribumi Sabah dan Sarawak.

"Tidak dinafikan kewujudan kumpulan kongsi gelap yang melakukan aktiviti haram dan jenayah kekerasan telah m e n d a t a n g k a n ancaman kepada ketenteraman awam sekali gus mencetuskan kebimbangan dalam kalangan masyarakat," katanya.

Beliau berkata, perlakuan ganas kumpulan kongsi gelap dalam mencapai agenda mereka sering menyumbang kepada jenayah kekerasan.

"Bagaimanapun, pe-



Tatu badan individu yang disyaki terlibat dengan kongsi gelap.

dasarkan rekod membabitkan kumpulan kongsi gelap dari tahun 2016 hingga Mac lalu mendapati bentuk jenayah yang kerap dilakukan mereka adalah merusuh, bunuh, mencederakan, pemerasan, perbuatan khianat, samun dan ugutan jenayah.

"Selain itu, kumpulan-

mengikut Seksyen 50 (3)," ujarnya.

Abd Jalil menambah, sepanjang tempoh 2016 hingga Mac 2022, seramai 3,983 ahli kongsi gelap telah ditangkap di bawah Kanun Keseksaan, Akta Senjata Api 1971; dan Akta Bahan-Bahan Kakistan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958

SENARAI KUMPULAN KONGSI GELAP

Diwartakan haram pada 2013

1. Geng 04
2. Geng 08
3. Double 7
4. Tiga Line
5. Geng 30
6. Geng 38
7. Geng 24
8. Geng 18
9. Geng 36
10. Geng 21
11. Ang Soon Thong
12. Wah Kee
13. Sio Sam Ong
14. PNEH
15. Hong Hong San
16. Hai Son
17. Sin Ang Bin
18. New Cell 20
19. Jit It Hai
20. Sio Koon Tong
21. Gee Lam Kor
22. Gee Ah Eng
23. Loh Kuan
24. Tiang Yee Tong
25. Geng Leng Hor
26. Geng 35
27. Geng 303
28. Geng Satu Hati
29. ATAP
30. Hung Ann
31. Sui Yuk
32. Otai
33. Borneo Red EMP
34. Ah Ngau
35. Batu Tiga
36. Ah Feng
37. Batu 10
38. Sibn Ti
39. Ah Seng
40. Ah Chin
41. Lee Lung
42. Lo Han
43. Sg. Merah
44. Sg Badut
45. Ting Ching Lee

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL KUALA LUMPUR



ABD JALIL



Sebanyak 72 kumpulan kongsi gelap kini berada dalam radar pemantauan Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana dikhuatiri boleh mengancam keselamatan negara.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil Hassan berkata, kesemua kumpulan itu telah diwartakan sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau pertubuhan

...dang atau pertubuhan haram di bawah Seksyen 5(1) Akta Pertubuhan 1966.

“Sebanyak 49 kumpulan kongsi gelap telah diwartakan pada 28 Ogos 2013 manakala 23 lagi diwartakan pada 16 Februari 2015.

“Keputusan ini dibuat setelah risikan maklumat PDRM mendapati 72 kumpulan ini, dengan jumlah ahli seramai 9,042 orang terbabit dalam aktiviti kongsi

...Bagaimanapun, pemantauan dan tindakan pencegahan berterusan PDRM melalui Ops Cantas, penguatkuasaan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Poca) serta Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma) telah dapat mengawal seterusnya melumpuhkan kumpulan kongsi gelap ini,” katanya.

Abd Jalil memberitahu, ber-

...“Selain itu, kumpulan-kumpulan kongsi gelap terlibat dalam jenayah pemilikan senjata api serta senjata-senjata berbahaya,” katanya.

### Tatu

Bahagian Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat (D7) JSJ Bukit Aman sentiasa fokus dalam usaha mengawal dan membanteras kumpulan kongsi gelap daripada terus menimbulkan ancaman terhadap ketenteraman awam.

“Satu operasi dinamakan Ops Cantas dijalankan khusus bagi membanteras kumpulan kongsi gelap.

“Sasaran operasi ini adalah mengesan dan menangkap individu yang menjadi ahli atau menganggotai kumpulan kongsi gelap,” katanya.

Beliau memberi contoh individu yang memiliki tatu lambang kongsi gelap adalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 52(3) Akta Pertubuhan 1966.

“Tindakan tegas juga diambil terhadap tempat mempamerkan papan tanda yang mempunyai simbol kumpulan kongsi gelap

dan Senjata Berbahaya” 1958.

“Seramai 3,644 individu ditangkap di bawah kesalahan Akta Pertubuhan 1966 kerana menganggotai kumpulan kongsi gelap.

“Kesalahan itu adalah seperti pemilikan tanda atau logo kumpulan kongsi gelap, melakukan upacara angkat sumpah, memiliki tatu lambang dan mempamerkan papan tanda yang mempunyai simbolik kumpulan kongsi gelap,” jelasnya.

Ujar beliau lagi, dalam tempoh yang sama juga seramai 589 ahli kongsi gelap diambil tindakan di bawah Poca kerana melakukan pelbagai kesalahan jenayah kekerasan seperti pemerasan, ugutan dan pergaduhan.

“Seramai 319 lagi diambil tindakan di bawah Sosma kerana menjalankan aktiviti jenayah terancang,” katanya.

Beliau berkata, kumpulan kongsi gelap kini dilihat cenderung dalam aktiviti pengedaran dadah, pemerasan wang perlindungan, mengambil upah bayaran menjaga kawasan aktiviti sindiket perjudian, pelacuran dan penyeludupan.

45. Ting Ching Lee
46. Tua Cak Lee
47. Teksi Station
48. Pintu Merah
49. Krokop

### Diwartakan haram pada 2015

1. Geng 3821
2. Geng Ngo Sek Kee
3. Geng Gee Hor Sia
4. Geng Chong Woh
5. Geng Gee Long San
6. Geng Gee It Leng
7. Geng Gee Hon San
8. Geng Guat Sam Sia
9. Geng It Tiam Ang
10. Geng Lian Heng Siah
11. Geng Ang Mor Low
12. Geng Sio Or Leng
13. Geng Loong Foo Thong
14. Geng 969 (Kow Lak Kow)
15. Geng 32 Sar Jee
16. Geng Chaun San
17. Geng Fong Hong San
18. Geng Jin Jee Tong
19. Geng Gee Lam Kok
20. Geng Hong Fah
21. Knight Right Keepers@ Kappa Rho Kappa
22. Malin Kundang (Sandakan)
23. Special Force (Lahad Datu)



Antara individu yang diberkas kerana disyaki terlibat dengan aktiviti kongsi gelap.